

Majlis imbas nostalgia

PM ajak rakyat semarak sambutan, kibar Jalur Gemilang

Oleh Fairuz Zaidan,
Nurul Fhatihah Zakinan
dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Tun Dr Mahathir Mohamad malam tadi melancarkan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2019 di Bandar Hilir, di sini, lokasi sama pengisytiharan kemerdekaan diumumkan, 63 tahun lalu.

Majlis pelancaran Bulan Kebangsaan bertemakan ‘Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih’ itu dihadiri puluhan ribu pengun-

jung, mengembalikan sejarah dan nostalgia laungan ‘Merdeka’ pada 20 Februari 1956.

Pada tarikh itu, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj bersama rombongan yang tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam selepas berunding dengan Inggeris di London, diarak dan diiringi kumpulan pemuda bermotosikal bersama puluhan kereta ke Padang Bandar Hilir.

Sebaik tiba di sini, Perdana Menteri pertama itu memulakan ucapan terima kasih atas sokongan padu diberikan rakyat, seterusnya mengumumkan Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan dengan rasmi pada 31 Ogos 1957.

Serentak pengumuman itu, laungan ‘Merdeka’ bergema di padang yang dibanjiri lebih 100,000 orang yang datang dari seluruh pelusuk Semenanjung.

Dalam ucapan pada majlis malam tadi yang turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo, Dr Mahathir berkata, rakyat semakin matang menilai dan membuat pendirian apabila berdepan ancaman pihak yang mahu memecah-belahkan perpaduan.

Ia, katanya, menjadi pendorong hasrat kerajaan memajukan negara supaya kemakmuran dicapai dapat dinikmati bersama.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif sudah dilaksanakan kerajaan dalam usaha mencapai matlamat kemakmuran bersama, sebagaimana yang diumumkan sempena sambutan ulang tahun pertama Malaysia Baharu.

“Kita semua harus memberi sokongan dan kepercayaan kepada kerajaan untuk menjalankan tugas diamanahkan. Marilah sama-sama

kita jayakan usaha ini dan menghayati tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini,” katanya.

Perdana Menteri turut mengajak rakyat bersama-sama menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, bangunan pejabat, premis perniagaan serta kenderaan masing-masing.

Sementara itu, Gobind yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan Kebangsaan 2019, berkata pemilihan Melaka sebagai lokasi pelancaran berdasarkan faktor sejarah.

“Tema tahun ini menitikberatkan hasrat kerajaan memupuk semangat cintakan negara, mengeratkan jalinan perpaduan serta menjadikan Malaysia negara maju dengan rakyat yang mempunyai jati diri dan integriti,” katanya.